

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

**TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang telah dijalankan bagi mengurangkan fenomena ketirisan yang mendapat teguran setiap tahun daripada Ketua Audit Negara. Setakat mana keberkesanan langkah-langkah tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang diterbitkan pada setiap tahun. Oleh yang demikian, Kerajaan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan lebih tegas dan proaktif seperti berikut:

- (a) melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Program Transformasi Kerajaan atau lebih dikenali sebagai GTP bagi meningkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti dalam jentera pentadbiran kerajaan. Salah satu usaha yang baru adalah penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) yang ditubuhkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014 pada 3 Jun 2014;
- (b) kajian bersifat holistik oleh agensi-agensi pusat seperti Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan dan Kementerian Kerja Raya ke atas aspek pengurusan perolehan dan pembangunan projek. Sebagai contoh, semakan semula Arahan Perbendaharaan / Pekeliling / Peraturan Kewangan semasa oleh Kementerian Kewangan, Makmal Menangani Isu Kelewatan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10 telah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Transformasi Mekanisme Pengurusan Pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal

Negara oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan dan Kajian Kes-kes Audit Berulang oleh Jabatan Kerja Raya. Kajian-kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu yang menjadi punca kepada teguran audit. Ini menunjukkan bahawa di samping tindakan tatatertib, surcaj, jenayah yang telah diambil, Kerajaan juga turut mengenal pasti peraturan dan polisi sedia ada yang perlu dikaji/dipinda sewajarnya seiring dengan perkembangan semasa. Ini termasuk penambah baikan bagi menangani isu-isu berkaitan *improper payment*, kandungan kontrak projek fizikal yang kurang jelas, kegagalan perunding / kontraktor mematuhi terma kontrak dan perolehan tidak mengikut tatacara kewangan semasa; dan

- (c) memantapkan pelaksanaan kursus kewangan, perolehan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di Institusi Latihan Awam khususnya di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Sekian. Terima kasih.